KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	11.05.22	MUKA SURAT	:	16
JABATAN	:	PERHILITAN			

Waspada kehadiran gajah

Ipoh: Pengguna Jalan Raya Timur Barat (JRTB) yang menghubungkan Gerik ke Jeli diminta berhati-hati dengan kehadiran gajah yang sering berkeliaran di kawasan itu seperti yang tular menerusi beberapa rakaman video.

Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (Perhilitan) Perak Yusoff Shariff berkata, pengguna jalan raya perlu memperlahankan atau berhentikan kenderaan dan mengambil jarak selamat bagi membolehkan gajah itu masuk semula ke hutan sekiranya bertembung dengan haiwan itu.

"Pengguna jalan raya diharapkan tidak melakukan provokasi atau terlalu berani menghampiri gajah berkenaan.

"Ini kerana terdapat potensi besar gajah itu menyerang orang yang menghampirinya yang boleh membawa kecederaan atau kematian seperti yang pernah dilaporkan berlaku sebelum ini," katanya.

HM 110522_16